

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK KONVENSyen KUMPULAN INOVATIF &
KREATIF (KIK) PERINGKAT UNIVERSITI AWAM KALI KE-13
BIL. 2/2017 UniMAP**

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)
MASA : 10.00 PAGI
TEMPAT : BILIK SENAT, KAMPUS PAUH PUTRA

HADIR:

Encik Zuber Haji Mohamad (Pengerusi)
Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Prof. Madya Dr. Idris Md Noor (Pengerusi Bersama)
Pengarah
Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Encik Budiman Ikhwandee Fadzilah (Setiausaha)
Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Puan Ezy Erwayu Zainudin (Urusetia)
Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Puan Norzamira Man (Urusetia)
Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Puan Siti Salwa Md. Padzil
Ketua Penolong Pendaftar
Universiti Malaya (UM)

Puan Rozi Tamin
Penolong Pendaftar Kanan
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Puan Kasmaria Zawawi
Penolong Pendaftar
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Puan Hanisah Nordin
Penolong Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Dr. Aida Firdaus MN Azmi
Ketua Inovasi dan Kreativiti
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Encik Azilee Abd Aziz
Pengarah
Unit Pembangunan Pentadbiran Bahagian Khidmat Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Prof.Madya Dr. Norhani Aripin
Timbalan Pengarah
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Puan Zuraini Mohd Rashid
Penolong Pendaftar Kanan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Puan Hazifa Hani Ramli
Penolong Pendaftar
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)

Encik M. Nor Aishamuddin Sazali
Penolong Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Encik Mohd Zulfadli Mat Husin
Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Encik Mohd Adzhar Mohamed Ali
Penolong Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Encik Raflan Arif
Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

TIDAK HADIR:

Universiti Sains Malaysia (USM)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

1.0 ALUAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan memaklumkan ini merupakan mesyuarat Jawatankuasa Induk Konvensyen KIK Universiti Awam Kali Ke-13, Bil.2/2017
- 1.2 Pengerusi memperkenalkan Pengarah Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti yang baru iaitu Prof.Madya Dr. Idris Md Noor sebagai pengerusi bersama.

Tindakan: Makluman

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.1/2017

- 2.1 Pengerusi meminta setiap ahli meneliti minit yang diberikan.
- 2.2 Mesyuarat bersetuju mengesahkan minit dengan beberapa pindaan seperti berikut:
 - (a) Pembedulan nama pada senarai kehadiran
 - (b) Pengesahan minit disahkan oleh Encik Azilee Abd Aziz daripada UIAM.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Mesyuarat bersetuju agar perkara berbangkit dibincangkan semasa agenda laporan pihak urusetia

4.0 LAPORAN PIHAK URUSETIA

4.1 Format Pertandingan

- (a) Mesyuarat bil.1 telah bersetuju penggunaan format sedia ada yang memasukkan elemen penyoalan khas kepada Fasilitator. Format ini telah digunakan berkuatkuasa tahun 2013;
 - Persediaan – 5 minit
 - Persembahan - 20 minit
 - Soal jawab (1 soalan kumpulan & 1 soalan fasilitator – 5 minit)

4.2 Syarat Pertandingan

- (a) Mesyuarat mengambil maklum syarat-syarat pertandingan adalah seperti berikut:
 - i. Penyertaan adalah terbuka kepada kumpulan KIK dari semua UA;
 - ii. Projek kumpulan hendaklah merupakan projek yang telah selesai dijalankan di peringkat UA masing-masing;

- iii. Penyertaan dibenarkan untuk mencalonkan empat (4) kumpulan KIK (masing-masing 2 dari kategori Pengurusan dan 2 dari Kategori Teknikal) yang dipilih melalui Konvensyen KIK peringkat Universiti untuk menyertai Konvensyen Peringkat UA;
- iv. Pencalonan bilangan kumpulan KIK dan jenis kategori yang disertai hendaklah dikemukakan oleh Universiti kepada Urus Setia Konvensyen peringkat UA dengan mengemukakan Borang Penyertaan selewat-lewatnya pada **15 Mei 2017 (Isnin)**;
- v. Semua kumpulan perlu menyediakan lima (5) salinan ringkasan salinan projek dan lima (5) salinan slaid power point (maksimum 150 slaid). Dokumen tersebut perlu dihantar kepada pihak Urus Setia sebelum atau pada **30 Mei 2017**.
- vi. Penggunaan komputer adalah diwajibkan;
- vii. Masa persembahan projek kumpulan adalah dihadkan kepada 30 minit, iaitu 5 minit untuk persediaan, 20 minit untuk persembahan dan 5 minit untuk sesi soal jawab;
- viii. Setiap kumpulan diwakili maksimum sepuluh (10) ahli sahaja (tidak termasuk Fasilitator);
- ix. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan dari mana-mana Kumpulan KIK yang tidak layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai Konvensyen oleh penganjur adalah muktamad;
- x. Keputusan Jemaah Panel Penilai Konvensyen terhadap persembahan kumpulan adalah muktamad

4.3 Yuran Penyertaan

(a) Mesyuarat mengambil maklum

(i) Jadual berikut menunjukkan jumlah yuran mengikut pakej-pakej yang ditawarkan:

Pakej	Keterangan	Kemudahan yang ditawarkan	Jumlah Yuran / Sumbangan (RM)
A	Universiti bertanding *	Penginapan (tempahan sendiri) Makan sepanjang pertandingan (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) termasuk makan malam Majlis Penutup	RM2,500 Setiap kumpulan (maksimum 10 orang) *+ RM300 Cenderamata

B	Yuran Pemerhati/ Penyokong	Makan sepanjang pertandingan (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) termasuk makan malam Majlis Penutup	RM 200 seorang
C	Yuran Pemerhati /Penyokong (harian)	Makan sepanjang pertandingan (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) tidak termasuk makan malam Majlis Penutup	RM 100 seorang / sehari
D	Universiti yang tidak bertanding**	4 orang pemerhati sahaja. Makan sepanjang pertandingan (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) termasuk makan malam Majlis Penutup	RM 2,500 setiap Universiti *+ RM300 Cenderamata

- (ii) Sekiranya jumlah ahli yang bertanding tidak mencukupi 10 orang, kos untuk fasilitator boleh diserapkan di dalam Pakej A. Jika tidak, yuran fasilitator dikenakan mengikut Pakej B.
- (iii) Mana-mana UA yang tidak menghantar sebarang penyertaan, sumbangan sebanyak RM2,500.00 perlu dikemukakan kepada pihak penganjur. Sumbangan ini adalah satu langkah untuk menyokong penganjuran Konvensyen KIK peringkat UA setiap tahun.
- (iv) Sekiranya ada Universiti yang tidak bertanding dan ingin menghantar Pemerhati, bilangan yang dibenarkan adalah maksimum seramai empat (4) orang sahaja. Kemudahan yang diperolehi adalah sebagaimana Pemerhati/Penyokong yang lain seperti di Pakej B. Tiada yuran tambahan dikenakan.

Tindakan: Urusetia / Makluman

4.4 Kaedah Bayaran

(a) **Pembayaran Menggunakan Cek**

Sila buat pembayaran atas nama BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

(b) **Pembayaran Menggunakan EFT (Electronic Funds Transfer)**

Sila buat pembayaran melalui no. akaun **0901-0001234-71-0 (Bank Muamalat)**

Sila maklumkan maklumat pembayaran Tarikh dan Jumlah Bayaran

(c) Maklumat pembayaran hendaklah dihantar ke:

Urusetia, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UA Kali ke-13, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK), Universiti Malaysia Perlis,
Blok D, No . 2,4,6, & 8 (Tingkat Atas)
Taman Pertiwi Indah
Jalan Kangar-Alor Star, Seriab
0100 Kangar, Perlis.

Untuk Perhatian : En. Budiman Ikhwandee Fadzilah
(ikhwandee@unimap.edu.my)
Tel: 04- 979 8465 Faks: 04-979 8468

4.5 Kategori dan Nilai Hadiah

(a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa nilai hadiah adalah seperti berikut:

Kategori Hadiah	Nilai / Jenis Hadiah	Jumlah (RM)	Kategori Hadiah (RM)
1	Johan Keseluruhan	Piala Pusingan Piala Iringan :RM500.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penghargaan	550.00
Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal			
2	Johan	Piala:RM250.00 Wang Tunai:RM6,000.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penarafan	6,300.00 x 2 kategori = 12,600.00
3	Naib Johan	Piala:RM250.00 Wang Tunai:RM4,000.00 Gambar:RM50.00 Siji Penarafan	4,300.00 x 2 kategori = 8,600.00

4	Tempat Ketiga	Piala:RM250.00 Wang Tunai:RM2,000.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penarafan	2,300.00 x 2 kategori = 4,600.00
---	---------------	--	-------------------------------------

Lain-lain			
5	Anugerah Fasilitator Terbaik	Piala:RM350.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penghargaan	400.00
6	Anugerah Khas: Anugerah Inovasi Harapan	Piala:RM350.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penghargaan	400.00
7	Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Pengurusan)	Piala:RM350.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penghargaan	400.00
8	Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Teknikal)	Piala:RM350.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penghargaan	400.00
9	Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Pengurusan)	Piala:RM350.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penghargaan	400.00
10	Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Teknikal)	Piala:RM350.00 Gambar:RM50.00 Sijil Penghargaan	400.00
11	Saguhati	Cenderahati berbentuk tropi Gambar Sijil Penarafan dan Sijil Penyertaan	100.00 x anggaran 40 kumpulan = 4,000.00 50.00 x anggaran 40 kumpulan

			= 2,000.00
ANGGARAN JUMLAH KESELURUHAN (RM)			34,750.00

- (b) Cadangan hadiah beserta nilai adalah seperti yang disediakan oleh Pihak penganjur UMT sebelum ini. Sebarang pertambahan kategori hadiah dan nilai hadiah adalah tertakluk kepada kesediaan penganjur dan peruntukan yang disediakan. Akan dibincangkan di peringkat dalaman dahulu.

Tindakan: Urusetia / Makluman

4.6 Keperluan Peralatan

- (a) Kemudahan peralatan akan disediakan oleh pihak Urus Setia di setiap Dewan pertandingan bagi setiap kategori, iaitu :
- i. Tiga (3) unit komputer riba
 - ii. Tiga (3) unit projektor LCD
 - iii. Empat (4) unit mikrofon
 - iv. Tiga (3) unit skrin
- (b) Peserta diminta menjaga keselamatan peralatan sendiri yang dibawa. Urus Setia membenarkan penggunaan komputer riba sendiri sepanjang Konvensyen berlangsung, tetap tidak akan bertanggungjawab jika terdapat masalah teknikal.
- (c) Bagi memudahkan persiapan dibuat, setiap kumpulan diminta untuk mengisi **Borang Keperluan Peralatan dan mengemukan borang yang telah dilengkapkan secara atas talian kepada pihak Urus Setia.**

Tindakan: Urusetia / Makluman

4.7 Etika Pakaian, Gambar dan Logo Pasukan

- (a) Mesyuarat bersetuju etika pakaian masih kekal seperti dahulu.
- (b) Para peserta dan pemerhati/penyokong rasmi perlu mengambil perhatian seperti berikut :
- i. Peserta-peserta Konvensyen KIK dikehendaki berpakaian pejabat semasa Konvensyen dan aktiviti dijalankan manakala T-Shirt berkolar dibenarkan semasa raptai.
 - ii. Pemakaian jeans adalah sama sekali tidak dibenarkan
 - iii. Peserta dan pemerhati/penyokong diwajibkan memakai Tag Konvensyen KIK.
- (c) Mesyuarat mengambil maklum bahawa gambar pasukan (semua ahli terlibat) dan logo kumpulan perlu dikemukakan kepada pihak urus setia untuk dimuatkan di dalam buku program dan untuk tujuan persembahan multimedia.
- (d) Gambar yang diambil secara penuh dan seragam

Tindakan: Semua UA/Makluman

4.8 Lokasi Pertandingan

(a) Mesyuarat mengambil maklum lokasi pertandingan seperti berikut:

Kompleks Dewan Kuliah UniMAP

- Kategori Pengurusan : DK1
- Kategori Teknikal : DK 2
- Kawasan Makan : Ruang lapang kanan dewan
- Bilik Juri/ Urus Setia : DK 4
- Pameran & Pendaftaran : Ruang bahagian hadapan DK1

Dewan Ilmu Kampus Pauh Putra

- Majlis Penutup & Penyampaian Hadiah

Tindakan: Urusetia/Makluman

4.9 Tarikh & Aturcara

i. Mesyuarat mengambil maklum tarikh Konvensyen KIK UA Kali Ke-13 pada 1 hingga 3 Ogos 2017.

i. Jadual berikut menunjukkan aturcara Konvensyen KIK UA Kali Ke-13

HARI PERTAMA : 1 OGOS 2017 (SELASA)	
9.00 Pagi	Pendaftaran Peserta Dan Pemerhati
	Raptai : Kategori Pengurusan & Teknikal
	Persiapan Booth Pameran
3.30 Petang	Taklimat Urus Setia
4.30 Petang	Minum Petang/Bersurai
HARI KEDUA : 2 OGOS 2017 (RABU)	
8.30 Pagi	Taklimat Pertandingan Oleh Ketua Hakim Mengikut Kategori
9.00 Pagi-10.30 Pagi	Persembahan Kumpulan
10.30 Pagi -10.45 Pagi	Minum Pagi
10.45 Pagi -12.30 Tengah Hari	Persembahan Kumpulan
12.30 Tengah Hari – 2.00 Petang	Rehat Dan Makan Tengah Hari
2.00 Petang-5.30 Petang	Persembahan Kumpulan
5.30 Petang	Tamat Persembahan Kumpulan Hari Pertama/ Minum Petang

HARI KETIGA : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)	
8.30 Pagi – 10.30 Pagi	Persembahan Kumpulan
10.30 Pagi -10.45 Pagi	Minum Pagi
10.45 Pagi -12.30 Tengah Hari	Persembahan Kumpulan
12.30 Tengah Hari – 2.00 Petang	Tamat Persembahan Kumpulan Rehat Makan Tengah Hari
2.00 Petang – 2.30 Petang	Persediaan Juri dan Pemarkahan
2.30 Petang	Persediaan Majlis Penutup

ii. Aturcara Majlis Penutup & Penyampaian hadiah

MASA	AKTIVITI
8.00 Malam	Para Peserta dan Pemerhati Mengambil Tempat
8.15 Malam	Ketibaan Y.BHG. DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL Naib Canselor UniMAP
8.30 Malam	Ketibaan Y.BHG. TAN SRI DR. NOORULAINUR MOHD .NUR Ketua Setiausaha Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia
	Nyanyian Lagu “ Negaraku dan UniMAP”
	Bacaan Doa
	Ucapan Aluan oleh Y.BHG. DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL Naib Canselor UniMAP
	Ucapan Penangguhan Konvensyen KIK UA Kali Ke-13 oleh Y.BHG. TAN SRI DR. NOORULAINUR MOHD .NUR Ketua Setiausaha Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia
	Majlis Makan Malam Bermula
	Persembahan Kebudayaan
9.00 Malam	Penyampaian Hadiah, Anugerah dan Cenderahati <ul style="list-style-type: none"> • Cenderahati kepada Panel Hakim • Cenderahati kepada Wakil Kumpulan Bertanding • Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Pengurusan) • Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Teknikal) • Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Pengurusan) • Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Teknikal) • Anugerah Khas (Anugerah Inovasi Harapan) • Pemenang Tempat Ketiga (Kategori Pengurusan) • Pemenang Tempat Ketiga (Kategori Teknikal) • Pemenang Naib Johan (Kategori Pengurusan) • Pemenang Naib Johan (Kategori Teknikal) • Pemenang Johan (Kategori Pengurusan) • Pemenang Johan (Kategori Teknikal) • Anugerah Fasilitator Terbaik (Kategori Pengurusan) • Anugerah Fasilitator Terbaik (Kategori Teknikal) • Pemenang Johan Keseluruhan
	Gimik Penyerahan Penganjuran Konvensyen KIK UA Kali Ke-14, 2018
	Bersurai

4.10 Cadangan Perasmi/Penutup

- (a) Ahli dimaklumkan, perasmi bagi Majlis Perasmian Penutup adalah seperti berikut:

Y.BHG. TAN SRI DR. NOORULAINUR MOHD .NUR

Ketua Setiausaha Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

Y.BHG. DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL

Naib Canselor UniMAP

4.11 Keperluan Penginapan

- (a) Penginapan peserta tidak disediakan. Penganjur akan memberi maklumat hotel berdekatan di sekitar UniMAP .
- (b) Maklumat hotel yang diberikan seperti nama hotel, alamat, nombor telefon, nombor faks, email dan laman web memudahkan peserta-peserta untuk membuat tempahan hotel tersebut. Maklumat tersebut telah dipaparkan pada laman web rasmi ***kik.unimap.edu.my***

Tindakan: Makluman

5.0 LIVE STREAMING & LAMAN WEB

5.1 Live Streaming & Laman Web

- (a) UniMAP akan menyediakan laman web rasmi pogram ini dan menyediakan perkhidmatan *Live Streaming*.
- (b) Laman web akan memuatkan pelbagai maklumat seperti berikut:
- ❖ Maklumat umum seperti syarat pertandingan, tarikh dan lokasi
 - ❖ Borang-borang berkaitan
 - ❖ Maklumat hotel & penginapan
 - ❖ Bagi Live Streaming, sepanjang pogram berlangsung akan dipaparkan persembahan secara langsung untuk warga UA lain menonton.

Tindakan: Urusetia / Makluman

6.0 HAL-HAL LAIN

- 6.1 Pihak tuan rumah bersetuju untuk menyediakan kemudahan bas untuk UNIMAS dan UMS sepanjang konvensyen berlangsung.
- 6.2 Ahli mesyuarat mencadangkan untuk mencari kerjasama dengan organisasi swasta dalam penganjuran konvensyen KIK untuk tujuan tajaan.
- 6.3 Ahli mesyuarat memohon kemudahan surau diberi perhatian oleh pihak penganjur.

- 6.4 Mesyuarat memutuskan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Induk UA Bil.3/2017 pada **30 Mei 2017** di Anjung UniMAP Kuala Lumpur.
- 6.5 Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum perkara ini

Tindakan: Urusetia / Makluman

7.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli yang sudi hadir dan diharapkan program yang direncana ini dapat dijalankan dengan sempurna. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tehgah hari.

Disediakan oleh:



Norzamira Man
Pen. Peg. Teknologi Maklumat
PUSPEK

Disemak oleh:



Zuber Haji Mohamad
Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis